

TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.) : MENDERMA UNTUK DIRI SENDIRI

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 20 Oktober 2010 8:48

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

19 OKTOBER 2010/11 ZULKAEDAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

Menderma Untuk Diri Sendiri

Daripada Abu Dzar katanya:

Aku berkata kepada Rasulullah SAW: "Pekerjaan manakah yang paling utama?" Jawab Rasulullah SAW: "Beriman kepada Allah dan berjihad di jalan Allah." Aku bertanya lagi: "Membebaskan sahaya manakah yang paling utama?" Jawab baginda: "Yang paling dikasihi oleh tuannya dan yang termahal harganya". Aku bertanya pula: "Jika saya tidak melakukan itu semua?" Jawab baginda: "Membimbing pembuat sesuatu sedangkan orang itu tidak berkeahlian." Berkata Abu Dzar: "Ya Rasulullah SAW, terangkanlah kepada saya bagaimana jika saya tidak kuasa melakukan sesuatu pekerjaan?" Jawab baginda: "Jangan membuat bencana terhadap orang lain, kerana hal itu sebagai derma mu kepada diri mu sendiri."

(Riwayat Muslim)

Huraian

1. Semua orang mempunyai hak untuk mendapat ketenangan dan kebahagiaan. Jika semua hak-hak ini dihormati, maka dunia akan selamat dan seluruh penghuninya akan berbahagia, sekalipun tingkat kebahagiaan itu berbeza-beza.
2. Bagi insan yang beriman dan beramal soleh mereka akan sentiasa mencari-cari jalan yang boleh mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT kerana dengan cara itu mereka akan merasa tenang dan bahagia. Bahkan pembalasan syurga adalah idaman setiap manusia yang benar-benar menyedari akan hakikat kehidupan di dunia ini. Namun begitu tidak semua manusia berupaya melakukan pengorbanan apatah lagi jika ia memerlukan keikhlasan dari hati yang benar-benar suci dan murni tanpa mengharap apa-apa balasan. Tetapi itulah yang paling bernilai di sisi Allah SWT.
3. Untuk mengatasi kesulitan dalam menyempurnakan tanggungjawab selaku seorang Muslim agar kehidupan terus menjadi aman dan bahagia, kita janganlah melakukan pekerjaan yang boleh mengganggu kesejahteraan orang lain dan banyakkkan melakukan kebajikan kerana inilah yang sebenar-benarnya ajaran agama kita yang menyuruh supaya menghormati semua orang, tidak mengganggu setiap hak orang lain sama ada hak peribadi, hak bermasyarakat hinggalah sampai kepada hak bernegara. Apabila semua ini dilaksanakan dengan sebaiknya bukan sahaja seseorang individu itu disenangi malah imej agama juga akan bersih daripada sebarang fitnah yang mencacatkan.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madiah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078